



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG**  
**UNIT KEJURUTERAAN HUTAN**

BUKIT SEKILAU, 25200 KUANTAN  
No Tel : 09 – 513 2915 No Fax : 09 – 513 2530



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang bertaraf **Bumiputra** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** didalam gred kategori / pengkhususan yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

No Tawaran	Tajuk Tawaran Dan Kepala / Pecahan Kepala	Butiran-butir Lawatan Tapak (Diwajibkan)	Tarikh Tutup
1) UKH.PHG.39/2018	KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN SELENGGARA PEJABAT RENJ. MUADZAM SHAH, DAERAH ROMPIN PAHANG DARUL MAKMUR.  [Gred/ Kategori : G1/CE ] [Pengkhususan : CE01 ]	Tarikh : <b>7 OGOS 2018 (SELASA)</b> Masa : <b>10.30 PAGI</b> Tempat : Pejabat Renj. Muadzam Shah, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur.	<b>14 OGOS 2018 (SELASA)</b> <b>12.00 Tg/hari</b>
2) UKH.PHG.40/2018	KERJA-KERJA PENDAWAIAN SEMULA (RE-WIRING) DI KUARTES RENJ. MUADZAM SHAH, DAERAH ROMPIN, PAHANG DARUL MAKMUR.  [Gred/ Kategori : G1/G2/E ] [Pengkhususan : E11 ]	1. Sila bawa Sijil Asal dan Salinan SPKK & CIDB 2. Penama yang ditauliahkan CIDB,PKK & SSM sahaja dibenarkan.	

Butir-butir mengenai tawaran ini boleh dilihat pada waktu pejabat di **Unit Kejuruteraan Hutan, Pejabat Pembangunan Hutan, Bukit Sekilau, 25200 Kuantan** mulai tarikh lawatan tapak sehingga tarikh tutup tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakil sah mereka sahaja yang mempunyai surat kuasa serta yang telah mengikuti taklimat projek dan lawatan tapak .Permohonan untuk pembelian dokumen tawaran hendaklah disertakan dengan **Sijil Asal Taraf Bumiputera, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta dikenakan bayaran untuk harga dokumen sebanyak **Sepuluh Ringgit Sahaja ( RM 10.00 )** dalam bentuk Wang Pos atau Deraf Bank diatas nama **Pengarah Perhutanan Negeri Pahang** dan hendaklah dipalang. Dokumen tawaran hanya akan dijual mulai tarikh lawatan tapak **7 OGOS 2018 (SELASA)** sehingga **13 OGOS 2018 (ISNIN)** sahaja. Permohonan untuk mendapatkan dokumen selepas tarikh tersebut tidak akan diterima.

Dokumen tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimeterikan serta ditulis **Nombor Tawaran** dan **Tajuk Kerja** berkaitan dipenjuru kiri sebelah atas sampul surat berkenaan dan dimasukkan kedalam peti tawaran ditempat berikut:

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI,**  
**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG,**  
**TINGKAT 5, KOMTUR,**  
**BANDAR INDERA MAHKOTA,**  
**25990 KUANTAN.**



pada atau sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup tawaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas. Pihak jabatan ini tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran sekalipun.